

# Ekonomi: Asia Timur tak yakin kaedah sendiri

**K**UALA LUMPUR 7 Mac — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, ekonomi negara-negara Asia Timur tidak dapat pulih sepenuhnya daripada krisis kerana hilang keyakinan untuk melaksanakan pemulihan menggunakan kaedah mereka sendiri.

Menurut Perdana Menteri, negara-negara itu terlalu percaya dengan preskripsi pemulihan yang disogok oleh negara Barat walaupun mereka sedar ia tidak sesuai untuk dilaksanakan di negara masing-masing.

"Negara-negara ini tidak mampu mengulangi kecemerlangan mereka (kerana) hilang keyakinan diri dan kehormatan diri.

"Hampir semua daripada mereka percaya mereka bersalah melaksanakan amalan perniagaan yang tidak betul (dan) mereka perlu membuat semua perkara berdasarkan cara Barat untuk kembali dihormati," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika menyampaikan ucapan bertajuk *Masa Depan Asia Pada Abad Ke-21: Mentakrifkan Semula Kumpulan Ekonomi Asia Timur* pada Sidang Kemuncak Ekonomi Asia di Hotel Renaissance di sini, hari ini.

Persidangan dua hari itu dianjurkan oleh Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI).

Menurut Perdana Menteri, rancangan pemulihan Barat itu adalah baik pada asasnya tetapi preskripsi yang sama tidak boleh digunakan oleh semua negara Asia Timur yang

berbeza dari segi budaya dan amalan perniagaan.

"Reformasi tidak semestinya dilaksanakan melalui satu bentuk sahaja (sebaliknya) mesti ada cara lain yang boleh menjadikan pengurusan perniagaan dan ekonomi boleh diterima tetapi tidak terlalu merosakkan," ujar Perdana Menteri.

Menurut Dr. Mahathir, kerjasama antara kerajaan dan swasta yang menjayakan pembangunan ekonomi Asia Timur dituduh oleh pihak Barat sebagai punca kejatuhan ekonomi rantau ini sehingga ia dianggap sebagai satu jenayah.

Dengan itu, ujar beliau, mereka dipaksa melaksanakan tadbir urus korporat lebih baik yang secara berkesinambungan menyekat pemulihan ekonomi serantau.

"Memang benar bahawa tadbir urus korporat di rantau ini perlu lebih telus tetapi kejutan mendadak dalam pelaksanaan peraturan ketat dalam amalan korporat telah menyukarkan pemulihan syarikat-syarikat," katanya.

Tambah Perdana Menteri, perubahan mendadak akan merosakkan apa sahaja kerana ia lebih cenderung kepada menjejaskan daripada membawa hasil yang dikehendaki.

Dr. Mahathir berkata, antara perubahan mendadak lain yang dilakukan ialah pembebasan pasaran yang lebih banyak merosakkan daripada membawa kebaikan.

Dengan mengambil contoh pembebasan industri penerbangan, beliau berkata, ia telah menyebabkan per-

saingan ketat sehingga kemalangan berlaku akibat piawai penyelenggaraan yang rendah.

"Persaingan sengit dikatakan akan membawa kepada tahap perkhidmatan yang lebih baik tetapi apa yang berlaku ialah sebaliknya (malah) banyak syarikat penerbangan yang baik jatuh muflis, rugi dalam jumlah yang besar dan menimbulkan masalah sosial,

"Sebelum 11 September lagi hampir semua syarikat penerbangan kerugian kerana persaingan sengit, jadi benarkah deregulasi akan membawa perkhidmatan yang lebih baik kepada lebih ramai orang?," soal beliau.

Perdana Menteri berkata, jika Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) bersedia untuk menjadi forum yang kritikal dan melaksanakan inisiatif sendiri maka ia mampu memberi sumbangan kepada pemulihan ekonomi serantau dan dunia.

Katanya, tidak ada sesiapa pun yang boleh memonopoli kebijaksanaan dan negara-negara Asia Timur memiliki keupayaan yang sama dengan negara lain untuk menilai serta mencari idea baru.

"Negara Asia Timur mempunyai kuasa yang cukup untuk menyumbang kepada manusia sejagat. Amat rugi sekali sekiranya suara Asia Timur disekat sehingga negara-negara serantau tidak mahu bercakap sesama mereka tanpa kehadiran orang dari rantau lain," ujar Perdana Menteri.